

21 NOV 2002

Abdullah-serangan/I

AMARAN AMERIKA BUKAN PERKARA BARU, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata amaran oleh Amerika Syarikat bahawa Malaysia mungkin menjadi sasaran serangan bom seperti yang berlaku di Bali bulan lepas, bukan perkara baru kerana ingatan seperti itu pernah dibuat oleh negara-negara barat yang lain.

"Beberapa kerajaan barat pernah mengeluarkan nasihat tentang perjalanan (ke sini) sejak kejadian serangan 11 Sept," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Semalam Amerika Syarikat memberi amaran bahawa serangan seperti yang berlaku di Bali yang menyebabkan lebih 180 orang mati, mungkin terjadi di negara Asia Tenggara lain termasuk Malaysia.

Jabatan Negara Amerika berkata ia bimbang Jemaah Islamiah (JI) akan menjadikan orang barat di luar Indonesia sebagai sasaran mereka.

Ia juga mengulangi kebimbangan tentang kemungkinan serangan di Sabah oleh kumpulan Abu Sayyaf, dan menasihatkan warga Amerika yang melawat pulau-pulau atau kawasan pantai di timur Sabah supaya lebih berhati-hati.

Malahan, kata Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri, terdapat laporan bahawa mereka yang didakwa pengganas dan anggota Al-Qaeda telah ditangkap di serata dunia termasuk Hong Kong, Singapura dan Australia.

Beliau berkata Malaysia telah mengambil langkah-langkah pencegahan dan menangkap mereka yang ada hubungan dengan Kumpulan Militan Malaysia (KMM) dan JI.

"Tetapi seperti yang dijelaskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, keadaan tidak selamat juga wujud di beberapa negara yang mengeluarkan nasihat mengenai perjalanan ke Asia Tenggara.

"Kita dapati berlaku serangan dan keganasan berasas perkauman terhadap orang bukan kulit putih di negara-negara ini.

"Sebaliknya, Malaysia adalah sebuah negara yang selamat," kata Abdullah.

Katanya Malaysia amat giat dalam tindakan membanteras keganasan dan akan terus memberikan sokongan penuh kepada usaha seperti ini.

"Tetapi kami ingin tegaskan bahawa tidak ada mana-mana negara di dunia ini yang bebas daripada kemungkinan serangan pengganas, termasuk pengganas yang mewajarkan tindakan mereka dengan alasan ideologi, agama atau kaum," kata Abdullah.

Beliau berkata kerajaan Malaysia bertekad untuk terus mengambil langkah-langkah perlu untuk menentukan negara ini aman dan terjamin.

-- BERNAMA

RZS AHH MAI